



VLMS

VIDEO LEARNING MANAGEMENT SYSTEM

Sebagai usaha untuk menyalurkan ilmu pengurusan perkoperasian terutamanya Kursus Wajib kepada semua Ahli Lembaga Koperasi (ALK), IKM mengambil langkah yang proaktif dengan melaksanakan Kursus Wajib melalui kaedah e-pembelajaran iaitu kaedah yang menggunakan kemudahan Internet yang tersedia tanpa mengira masa dan tempat. Sistem VLMS dibangunkan bagi membolehkan ALK dan sesiapa sahaja yang ingin mendalami ilmu pengurusan koperasi mempelajarinya secara dalam talian mengikut masa dan kesesuaian individu. Pembangunkan VLMS juga merupakan alternatif pilihan pembelajaran selain secara tradisional (face to face). Kaedah e-pembelajaran ini berupaya menyokong pertumbuhan permintaan pembelajaran di dalam kelas bagi ALK yang wajib menghadiri kursus wajib koperasi di IKM dalam tempoh lantikan mereka. Penggunaan sistem e-pembelajaran ini mampu menarik minat terutama generasi Y untuk mendalami kursus wajib koperasi.

KURSUS WAJIB KOPERASI SECARA ONLINE

MUDAH & JIMAT

Menjimatkan masa dan kos.



MODEN

Menggunakan pelbagai teknologi komunikasi moden.
Mudah digunakan dan mesra pengguna.



PENINGKATAN KUALITI

Penumpuan yang tinggi dapat meningkatkan pengetahuan.
Interaksi secara dalam talian dapat membantu meningkatkan pemahaman.



TANPA SEMPADAN

Boleh diakses dimana-mana sahaja dari mana-mana komputer selagi ada perkhidmatan Internet.



Kemasukan Peserta Baharu Dibuka Sekarang! Sila Layari <http://vlms.ikkm.edu.my>

ALAMAT PERHUBUNGAN

Urus Setia VLMS,
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)
Institut Koperasi Malaysia
103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-79649000 / 03-79649055/051/170/057
Emel: admin_vlms@ikkm.edu.my

Menerajui Kecemerlangan

Instagram: [institut_koperasi_malaysia](#)

Facebook: [Institut Koperasi Malaysia](#)

Twitter: [Inst_Koperasi](#)

Website: www.ikkm.edu.my

Join Our Facebook Group: [Institut Koperasi Malaysia Official Group](#)

KURSUS DITAWARKAN

- WAJIB 1**
Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi
- WAJIB 2**
Pengurusan Kewangan Koperasi
- WAJIB 3**
Pengurusan Strategik Koperasi
- WAJIB JAD**
Tatacara pengauditan dan Perakaunan Koperasi

Yuran **RM50** bagi setiap kursus

SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi
- Individu Yang Berminat

DIMENSI KOOP

www.ikkm.edu.my ISSN 1823-1586 Bil 63(4/2019) RM8.50

DIMENSI KOOP ISSN 1823-1586 Bil. 63(4/2019) RM8.50



LEDAKAN IR 4.0: KE ARAH PEMBUDAYAAN MASYARAKAT BERTEKNOLOGI





Dari Meja Ketua Editor

Perubahan landskap digital menerusi Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) bakal merubah tradisi tempat kerja dari tugasan yang berasaskan sumber manusia kepada kecerdasan buatan. Malaysia diklasifikasikan sebagai negara yang mengadaptasi IR 4.0 dan giat melaksanakan transformasi digital di rantau ini. Klaus Schwab, menerusi bukunya "The Fourth Industrial Revolution" menjelaskan IR 4.0 mengubah cara kita bekerja dan hidup. Perubahan ini dipacu oleh tiga domain teknologi utama iaitu fizikal, digital dan biologi yang merentasi sembilan tonggak. IR 4.0, merangkumi simulasi dan realiti maya, integrasi sistem menegak dan melintang, industri Internet of Things (IoT), keselamatan siber, pengkomputeran awan, pembuatan bahan tambahan, rantaian bekalan, analisis data raya dan robot automasi. Justeru, perkembangan digital ini bukan sahaja datang dari kesediaan individu, tetapi juga kesediaan gerakan koperasi dalam memanfaatkan keupayaan melaksanakan transformasi IR 4.0 secara efektif. Mendepani cabaran IR 4.0, koperator perlu keluar daripada kebiasaan dan salah satu perkembangan pesat teknologi masa kini adalah dompet digital atau E-wallet.

Keluaran Dimensi Koop bil. 63 telah membuka lembaran baharu tahun 2020, mengupas isu revolusi transaksi tanpa tunai bagi perniagaan koperasi yang semakin popular dalam kalangan pengguna yang melaksanakan pembayaran untuk produk dan perkhidmatan sama ada secara dalam dan luar talian. Industri dompet digital kini menjadi pemacu kepada ekonomi digital negara dan koperasi perlu mengambil peluang dalam perkembangan positif dalam teknologi pembayaran tanpa tunai. Turut dimuatkan dalam edisi ini adalah pelaksanaan pemasaran melalui e-mel merupakan antara saluran pemasaran masa kini yang perlu ada di koperasi.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) bermatlamat menyediakan taraf hidup yang wajar kepada rakyat dilihat mampu menetapkan hala tuju baharu ekonomi bagi memastikan kesejahteraan bersama semua rakyat Malaysia. Melalui objektif kedua WKB2030 iaitu menangani jurang kekayaan dan pendapatan, koperasi dilihat dapat menangani isu kemiskinan bandar serta manfaat aktiviti ekonomi koperasi kepada anggota dan komuniti. Kedua-dua isu tersebut turut dibincangkan dalam keluaran ini. Selain itu, tiga artikel lain yang turut dikongsi iaitu Prinsip ke-5 Koperasi iaitu Pendidikan Latihan dan Maklumat Koperasi di United Kingdom, Kepentingan Anggota Memahami Penyata Kewangan Koperasi dan rumusan kajian "Student Co-Operatives in 66 the Institution of Higher Learning: A Solution to the Students' Affordability Crisis". Harapan saya, agar gerakan koperasi di Malaysia terus berada di landasan yang tepat untuk muncul sebagai ekonomi digital sepenuhnya dalam menjayakan usaha kerajaan ke arah IR4.0.

Mohd Zaib Mat Yunus

- * Rujukan artikel boleh diperolehi daripada penulis
- * Gambar yang terkandung di dalam majalah ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja.



4



30



46



38



54



66



KANDUNGAN

4

E-Dompot: Revolusi Transaksi Tanpa Tunai untuk Perniagaan Koperasi

14

5 Langkah Mudah Pelaksanaan Pemasaran e-Mel

22

Kemakmuran Bersama: Manfaat Aktiviti Ekonomi Koperasi Kadamaian Berhad kepada Komuniti Kota Belud, Sabah

30

Kemiskinan Bandar di Malaysia

38

Pencapaian Penglibatan Koperasi dalam Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan

46

Prinsip Ke-5 Koperasi: Pendidikan, Latihan dan Maklumat Koperasi di United Kingdom

54

Kepentingan Anggota Memahami Penyata Kewangan Koperasi

66

Student Co-operatives in the Institution of Higher Learning: A Solution to the Students' Affordability Crisis

74

Pelancongan Rehabilitasi (Rehab Tourism) Temu ramah bersama-sama Pengerusi Koperasi Sesama Johor Bhd., YBhg. Dr. Kamarul Ariffin bin Nor Sadan